

# Bekalan makanan terjamin

**Kuala Lumpur:** Tahap keselamatan bekalan makanan dijangka terjamin apabila subsidi berjumlah RM1.2 bilion diperuntukkan untuk harga, benih dan baja padi.

Pengerusi Persatuan Petani Cameron Highlands Datuk Syed Abd Rahman Syed Abd Rashid berkata, peruntukan besar itu membolehkan lebih banyak padi dihasilkan sekali gus menjamin bekalan kepada pengguna.

“Sekurang-kurangnya kita perlu mengeluarkan sendiri 80 hingga 90 peratus hasil tanaman padi, sekali gus mengurangkan pertangungan terhadap beras import,” katanya.

Beliau berkata, produk hiliran padi perlu dihasilkan bagi menambah nilai kepada hasil berkenaan.

Selain itu, menurutnya, bantuan elauan musim tengkujuh RM200 untuk tempoh tiga bulan kepada pekebun kecil getah juga satu usaha terbaik membela golongan berkenaan.

Sementara itu, Felo Penyelidik Institut Kajian Dasar Pertanian dan Makanan Universiti Putra Malaysia (UPM) Prof Datin Paduka Dr Fatimah Mohamed Arshad berkata, pemberian subsidi untuk harga, benih dan baja padi dalam Bajet 2017 menurun berbanding RM2.2 bilion pada Bajet 2014 dan 2015.

Katanya, pengurangan subsidi itu dalam jangka masa panjang amat baik kerana menggalakkan petani lebih berdikari dan berdaya saing dalam meningkatkan produktiviti.